

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta Menteri Pertanian Dan Industri Makanan menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan dan membantu petani-petani serta peniaga-peniaga kopi di daerah Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan kawasan penanaman kopi di seluruh Malaysia adalah 2,200 hektar dan melibatkan pengeluaran sebanyak 4,241 tan metrik berbanding 2,114 hektar pada tahun 2019 meliputi 3,559 tan metrik dengan negeri pengeluar utama adalah Johor dan Sabah.

Jabatan Pertanian Malaysia melalui Jabatan Pertanian Negeri Sabah sentiasa memberi galakkan kepada petani-petani kopi melalui khidmat teknikal dan juga pemberian insentif di bawah peruntukan Pembangunan Industri Kopi dan Projek Pembangunan Tanaman Kelapa dan Kopi. Pemberian insentif adalah dalam bentuk *in kind* seperti pembersihan kawasan, pemberian bahan tanaman, baja, peralatan ladang, pemindahan teknologi dan pengawalan perosak.

Pada tahun 2021, dengan peruntukan sebanyak RM144,000, seluas 20 hektar tanah telah dibangunkan dengan melibatkan 10 orang petani. Sebanyak 20,000 anak pokok Kopi Robusta telah diberikan untuk tujuan penanaman di ladang. Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) pula sebanyak RM1,176,300 telah diberikan untuk membangunkan seluas 85 hektar kawasan dengan penglibatan 48 orang petani di Tenom.

Sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan di bawah Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan menceburi industri tanaman kopi, termasuk di sepanjang rantaian nilai lain berkaitan dengan kopi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar khususnya di daerah kecil Kemabong di dalam menyelesaikan masalah ketiadaan kemudahan perbankan di kawasan tersebut. Adakah Kemabong tersenarai di dalam 250 sub-daerah yang akan menerima kemudahan Bank Bergerak dibawah inisiatif Pakej Bantuan Pemulihan Ekonomi National (PEMULIH) yang telah diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan mengambil maklum tentang kekurangan pusat akses kewangan terutamanya di kawasan luar bandar, dan peka terhadap kesukaran mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan, terutamanya kerana masalah infrastruktur dan capaian internet yang kurang stabil. Pelbagai usaha yang berterusan dan saluran alternatif telah disediakan oleh institusi kewangan bagi menyokong dan meningkatkan penyampaian kemudahan asas perkhidmatan perbankan di kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Antaranya termasuk penyediaan ejen bank yang menawarkan beberapa perkhidmatan kewangan seperti transaksi pengeluaran dan penyimpanan wang, pemindahan dana, pembukaan akaun, pembayaran balik pembiayaan dan pembayaran bil utiliti. Ejen bank terdiri daripada entiti perniagaan seperti kedai runcit, stesen minyak, pejabat pos, dan koperasi yang dilantik oleh pihak institusi perbankan seperti Bank Simpanan Nasional (BSN), Agrobank, Bank Rakyat, Maybank, RHB Bank dan Bank Islam untuk menyediakan perkhidmatan perbankan asas, terutamanya di kawasan pedalaman. Pada masa ini, terdapat 2 cawangan bank (Alliance dan BSN) serta 6 ejen bank (1 ejen Agrobank, 1 ejen Maybank melalui Pos Malaysia dan 4 ejen BSN) yang menyediakan perkhidmatan perbankan asas kepada penduduk di sekitar kawasan Kemabong, Sabah.

Di samping itu, pada 9 Oktober 2021, 3 unit Bank Bergerak yang disediakan oleh BSN telah dilancarkan di Sabah. Bank-bank Bergerak ini beroperasi di 6 daerah terpilih iaitu Pitas, Paitan, Sook, Nabawan, Kalabakan dan Tungku, yang memanfaatkan seramai 270,000 rakyat Sabah bagi mendapatkan akses perbankan asas. Pihak BNM bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sedang berusaha untuk meluaskan inisiatif Bank Bergerak di bawah Pelan PEMULIH yang akan memanfaatkan lebih ramai rakyat di kawasan luar bandar Sabah. Di bawah inisiatif PEMULIH ini, seluruh negeri Sabah, termasuk DUN Kemabong, telah disenaraikan sebagai keutamaan bagi menerima

NO SOALAN : 301

perkhidmatan Bank Bergerak mengikut kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat. Antara perkhidmatan perbankan asas yang akan ditawarkan termasuk penyimpanan dan pengeluaran wang, serta khidmat nasihat mengenai perbankan secara digital.

Selain itu, MOF dan BNM juga menggalakkan rakyat untuk membuat urusan perbankan secara digital, termasuk menerima bayaran bantuan melalui akaun bank, di mana transaksi perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja secara selamat. Perbankan digital juga diharap akan dapat meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada kawasan-kawasan luar bandar juga, agar pengguna di seluruh Malaysia boleh mendapat manfaat daripada akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini permohonan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Kemabong yang baru bagi menyelesaikan masalah kesesakan murid atau sekolah dua sesi di SMK Kemabong Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Parlimen Tenom.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menerusi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sedang meneliti kesesuaian cadangan tapak bagi pembinaan sekolah menengah baharu. KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan sekolah menengah baharu setelah selesai perolehan dan pemilikan cadangan tapak tersebut. Walau bagaimanapun permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah aset-aset keselamatan terutamanya kemudahan Bot Penyelamat bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di daerah Tenom untuk memastikan Jabatan tersebut dapat menjalankan kerja-kerja penyelamatan dengan lebih efektif terutamanya ketika musim banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kebombaan antaranya dengan menambah dan menaik taraf aset, jentera serta peralatan kebombaan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah.

Pada masa kini, di daerah Tenom sahaja terdapat sebanyak dua (2) buah bot penyelamat yang ditempatkan di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tenom untuk tujuan kerja-kerja menyelamat di air. Selain daripada itu, sebuah bot ditempatkan di BBP Sook dan sebuah lagi di BBP Keningau sebagai aset tambahan kepada BBP Tenom seandainya diperlukan semasa musim banjir.

Dalam masa yang sama, BBP Tenom telah mendapat bantuan daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Kg. Mamaitom dengan kekuatan ahli seramai 20 orang yang dilengkapi dengan sebuah van, peralatan pemadam, pam angkut dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang disediakan oleh JBPM Negeri Sabah.

Kementerian melalui JBPM juga telah mengambil inisiatif penyediaan pelan tindakan semasa musim banjir melalui pewujudan *Forward Regional Base*. Inisiatif ini dilaksanakan dengan menggerakkan anggota dan aset bantuan dari daerah berhampiran ke kawasan bencana dengan kadar segera agar kesiapsiagaan JBPM sentiasa berada di tahap optimum.

Sekian, terima kasih.